



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

SIARAN MEDIA MESYUARAT MAJLIS SOSIAL NEGARA BILANGAN 2 TAHUN 2023

PUTRAJAYA, 27 Julai - YAB Timbalan Perdana Menteri, Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi telah mempengerusikan Mesyuarat Majlis Sosial Negara Bilangan 2 Tahun 2023 yang diadakan di Bangunan Perdana Putra. Mesyuarat telah dihadiri oleh YB Menteri-Menteri, YB Timbalan Menteri, Ketua Setiausaha Negara, Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam serta pegawai-pegawai kanan Kementerian, Jabatan dan Agensi yang terlibat. Majlis Sosial Negara (MSN) ditubuhkan sebagai jentera pelaksana Dasar Sosial Negara yang merupakan dasar payung merangkumi falsafah dan pelbagai dasar pembangunan sosial negara.

Pada mesyuarat MSN kali ini, sebanyak tiga **(3) Kertas Pertimbangan** telah dibincangkan iaitu:

- (i) **Tindakan Sinergi antara Kementerian bagi Pendidikan Kesihatan Reproduktif dan Sosial Remaja;**
- (ii) **Pemilikan Akaun Bank oleh OKU; dan**
- (iii) **Usaha Pembanterasan Penipuan Dalam Talian (*Online Scam*).**

YAB Timbalan Perdana Menteri memberi penekanan terhadap cabaran yang dihadapi dan memberi tumpuan kepada penyediaan iklim yang segar dan positif untuk menggalakkan pelaburan, memulihkan keyakinan serta memacu pertumbuhan ekonomi negara. Pembangunan sosial turut diberi perhatian sewajarnya dari segi kesihatan, pendidikan dan hak asasi masyarakat Mesyuarat juga turut membincangkan intervensi sosial seperti isu prevalen salah laku seksual remaja, keperluan dari segi hak OKU untuk membuka dan menguruskan akaun kewangan sendiri dan keperluan kemudahan infrastruktur yang mesra OKU serta isu penipuan dalam talian.

Agenda yang telah dibincangkan adalah seperti berikut:

- i. **Tindakan Sinergi antara Kementerian bagi Pendidikan Kesihatan Reproduktif dan Sosial Remaja dipersetujui supaya pelaksanaan program pendidikan kesihatan reproduktif dan sosial dapat dilaksanakan dengan lancar.**

Bagi memastikan keberkesanan pelaksanaan perkara tersebut, beberapa cadangan penambahbaikan telah dikenalpasti iaitu:

- a. **Menyenarai Program Pendidikan Kesihatan Reprodktif dan Sosial (PEKERTI) dimasukkan sebagai silibus program kokurikulum di peringkat institusi pengajian tinggi termasuk sekolah agama rakyat;**
 - b. **Melaksana program PEKERTI di peringkat komuniti bersama Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah (KKDW) dengan penglibatan daripada ketua komuniti, kumpulan sukarelawan dan agensi kerajaan yang berkaitan;**
 - c. **Memperluas khidmat sokongan untuk remaja melalui Pusat Remaja KafeTEEN dan Program Sahabat KafeTEEN di sekolah;**
 - d. **Memperkukuh kolaborasi agensi iaitu KBS, KPM dan KPT yang terlibat di dalam Pelan Tindakan Dasar PEKERTI 2022-2025 melalui perkongsian sumber bagi memastikan setiap aktiviti dapat dilaksanakan; dan**
 - e. **Memperluas aktiviti promosi dan advokasi mengenai pendidikan kesihatan reprodktif dan sosial melalui media massa di bawah seliaan Kementerian Komunikasi dan Digital dan kolaborasi secara CSR bersama media massa swasta.**
- ii. **Bagi isu pemilikan akaun bank oleh OKU, mesyuarat bersetuju supaya Bank Negara Malaysia mencari satu mekanisme yang holistik yang dapat mengambil kira keperluan OKU dan juga sektor perbankan dengan lebih baik; dan**
 - iii. **Bagi usaha pembanterasannya penipuan dalam talian (*Online Scam*), isu *online scam* perlu ditangani secara bersepadu dengan gandingan pelbagai agensi Kementerian dari segi pengukuhan struktur tadbir urus dan kemahiran, menaik taraf teknologi, pelaksanaan program kesedaran bersepadu dan pengukuhan kolaborasi strategik antara agensi yang berkepentingan.**

YAB Timbalan Perdana Menteri yakin bahawa melalui Majlis Sosial Negara, isu-isu sosial dapat dibincangkan dalam platform ini secara aktif dan berkesan dan menjemput semua agensi Kerajaan, ahli akademik dan pihak Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) untuk membentangkan cadangan-cadangan yang bernas dalam menangani masalah sosial ke arah pembangunan sosial negara yang lebih sejahtera.

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT

27 JULAI 2023